

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22




### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR



Untuk menonton  
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Pakar dengan tajuk Kuasa YDPA Di Bawah Perkara 150 Perlembagaan. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yunus Abu Samah, felo di KIRRM selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam.

Pada sesi kali ini, dimulakan dengan perkongsian oleh panel jemputan mengenai Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan darurat. Darurat sering dikaitkan dengan keadaan huru-hara dan kacau-bilau dan ketidakstabilan politik yang berlaku dalam sesebuah negara. Darurat bersifat sementara yang tidak dapat terkawal oleh undang-undang biasa. Perlembagaan persekutuan mengizinkan hal yang dilarang dalam keadaan biasa atau normal semasa berlakunya darurat untuk mewujudkan semula keamanan dan ketenteraman. Kuasa yang berpunca daripada darurat adalah bertentangan dengan inti sari dan tuntutan perlembagaan. Hal ini demikian kerana perlembagaan menekankan dan menuntut kuasa yang terhad manakala darurat mengizinkan kuasa yang tidak terbatas.

Dalam pada itu, Prosedur yang betul di bawah Perkara 150(3) perlu dipatuhi. Justeru, ordinan itu masih sah sehinggalah dibatalkan mengikut kaedah-kaedahnya atau luput berdasarkan Perkara 150(7) Perlembagaan Persekutuan. Agenda pembentangan ordinan boleh dimasukkan semula atas ketetapan Perdana Menteri. Jika Jemaah Menteri memutuskan untuk membatalkan mana-mana ordinan darurat, usul boleh dikemukakan berlandaskan kaedah-kaedahnya yang dinyatakan di atas dan Peraturan Mesyuarat Parlimen.

Dalam keadaan kehidupan yang mencabar ini, Prof. Shamrahayu dan Encik Mohd Yunus bersama-sama berharap agar semua pihak sentiasa mematuhi perlembagaan negara dan setia mentaati raja sepertimana di dalam ikrar rukun negara Malaysia. Semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya para penonton dan warga UiTM.